

10 AUG 2002

Mahathir-Ekstremis

JANGAN BANGKITKAN PERASAAN PERKAUMAN, KATA DR MAHATHIR

TANJUNG MALIM, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan golongan ekstremis kaum supaya jangan memainkan isu perkauman dalam soal pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit jika mendapati perbuatan itu boleh mencetuskan huru-hara.

"Di Malaysia kalau sesiapa buat sesuatu untuk membangkitkan perasaan perkauman sehingga tercetus huru-hara, sebelum ia berlaku kita akan ambil tindakan," katanya pada persidangan media sempena lawatan ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini.

Dr Mahathir yang ditanya mengenai sikap kumpulan tertentu menentang pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris untuk kedua-dua mata pelajaran itu, berkata golongan ekstremis itu tidak mempunyai pengaruh yang besar tetapi mereka menggunakan akhbar untuk membakar hati orang lain.

Mereka bukan sahaja menentang pelaksanaan bahasa Inggeris malah tidak mahu melihat kanak-kanak Melayu dan Cina bercampur, katanya.

Dr Mahathir berkata golongan itu juga telah menentang cadangan sekolah wawasan.

"Mereka bermain dengan api...kita tahu undang-undang negara kita tidak membenarkan kerajaan menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan tetapi mereka cuba menakut-nakutkan orang Cina, ini adalah sesuatu yang berbahaya," katanya.

Perdana Menteri menegaskan undang-undang Malaysia tidak membenarkan mana-mana pihak termasuk akhbar memainkan isu perkauman.

"Benda tak benar. Kalau benar tak apa juga, ini tak benar sama sekali.

"Kita tak ada niat nak tukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan kerana undang-undang tidak membenarkan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir kesal kerana pihak terbabit masih membangkitkan soal penukaran sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan walaupun undang-undang berkaitan dengannya telahpun dipinda atas desakan mereka.

Ditanya sama ada perbuatan golongan eksterimis itu kini sudah membolehkan tindakan diambil ke atas mereka, beliau berkata ia terpulang kepada pihak penguatkuasa undang-undang.

"Kalau mereka dapati sudah sampai ke tahap bahaya, mereka akan ambil tindakan," katanya.

Beliau turut menyerahkan kepada pihak penguatkuasa undang-undang untuk menentukan sama ada akan bertindak terhadap akhbar yang turut terbabit memainkan isu perkauman.

Perdana Menteri berkata penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran Matematik dan Sains akan diteruskan sebagaimana yang dijadualkan.

Sebelum itu, ketika berucap kepada penuntut universiti berkenaan, Perdana Menteri meminta mereka menekankan kepada penguasaan bahasa Inggeris untuk membolehkan mereka menguasai ilmu pengetahuan moden.

Perkara itu penting untuk membina kekuatan bangsa kerana manusia yang kurang ilmu pengetahuan akan ditindas oleh mereka yang kuat dalam penguasaan ilmu pengetahuan, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan menetapkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains untuk membolehkan rakyat negara ini menguasai bidang-bidang ilmu pengetahuan itu.

Beliau turut meminta golongan pendidik supaya membentuk peribadi mulia

di kalangan pelajar bagi melahirkan generasi pelapis yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau juga mahu penuntut universiti membiasakan diri bergaul dengan pelbagai bangsa di kampus bagi memastikan hubungan kaum yang baik dapat diteruskan apabila mereka menyertai masyarakat selepas menamatkan pengajian.

Dr Mahathir berkata kerajaan sanggup membelanjakan kira-kira RM1.7 bilion untuk membangunkan kampus baru UPSI kerana merasa bertanggungjawab untuk masa depan negara.

-- BERNAMA  
AFY AZZ RON